

USIM anugerah Ijazah Kehormat kepada Syeikh Al-Azhar

UNIVERSITI Sains Islam Malaysia (USIM) akan menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah kepada Sheikh al-Azhar, Syeikh Muhammad Sayyid At-Tantawi pada majlis konvokesyen khas di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) 16 Februari ini.

Beliau dianugerahkan ijazah kehormat dalam bidang Dakwah dan Pengurusan Islam. Anugerah tertinggi USIM itu diberikan kepada beliau atas

ketokohan dan sumbangan Syeikh al-Azhar tersebut terhadap Pendidikan Islam di peringkat antarabangsa serta mengiktiraf beliau sebagai seorang tokoh Islam yang ulung di dunia.

USIM dalam kenyataannya berkata, penganugerahan Ijazah Kehormat kepada Syeikh Muhammad Sayyid At-Tantawi mempunyai signifikan yang tinggi dalam konteks hubungan dua negara Islam iaitu Malaysia dan Mesir amnya.

“Ia juga sebagai salah satu usaha pengantarabangsaan di antara USIM dengan Universiti Al-Azhar, Mesir,” katanya.

Majlis itu juga diadakan sempena Multaqa Sedunia Alumni Al-Azhar kali ke-3 yang diadakan di KLCC. Canselor USIM iaitu Tuanku Najihah Tunku Besar Burhanuddin, Tunku Ampuan Negeri Sembilan berkenan untuk berangkat bagi menyempurnakan majlis penganugerahan ini.